

# Bakal jururawat UPM berbakti

BERBAKTI dan menderma tidak semestinya hanya dengan wang ringgit. Ini kerana menawarkan kudrat dan tenaga kepada masyarakat juga adalah sebahagian daripada amal jariah dalam Islam.

Menyedari perkara itu, sekumpulan 22 pelajar Bacelor Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program khidmat masyarakat di Rumah Kebajikan Anak Yatim Nurhikmah, Kajang, Selangor, Oktober lalu.

Program selama tiga hari yang bertemakan Bakti Disemai Kasih Dituai itu diadakan untuk menjalankan khidmat masyarakat kepada 40 anak yatim di situ.

Antara aktiviti yang diadakan seperti persempahan, jamuan makan, pakaian, duit raya, sukaneka dan kuiz, senamrobiik dan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan rumah anak yatim.

Aktiviti kesihatan yang dianjurkan adalah ceramah kesihatan,

pemeriksaan kesihatan dan pembahagian anak yatim mengikut kumpulan pelajar untuk merapatkan hubungan antara kedua belah pihak.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Dr. Azhar Md. Zain dalam ucapan perasmianya berkata, para pelajar masa kini perlu mengimbangi pembangunan fizikal dan insaniah untuk mengelakkan pembangunan rohani merosot.

"Melalui program sebegini pelajar-pelajar dapat menuaikan tanggungjawab mencerahkan bakti kepada golongan yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata program bakti siswa ini menekankan kemahiran insaniah iaitu mengamalkan sikap beretika dan mengambil peranan pemimpin.

Katanya, penganjuran aktiviti sebegini diharap dapat diteruskan dalam melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang intelektual, fizikal dan rohani di samping merapatkan hubungan UPM dengan masyarakat luar.



MERIAH...sukaneka melibatkan penuntut UPM dengan anak-anak yatim.